

24/11/1997

Tabungan dalam ekonomi Malaysia

Nurul 'Ain Mohd Yusof

PRESTASI ekonomi Malaysia semenjak merdeka sentiasa mencerminkan perubahan yang meyakinkan warganya. Keupayaan Malaysia menangani sebarang tekanan ekonomi amat berkait rapat dengan saranan pemimpin supaya rakyatnya menambah tabungan. Ini jelas ditampikan oleh Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila beliau melancarkan Kempen Galakan Menabung peringkat kebangsaan 16 Disember tahun lalu. Pelancaran itu merintis jalan kepada institusi kewangan mengorak langkah melaksanakan kempen menggalakkan orang ramai menabung.

Setiap orang mempunyai persepsi tersendiri mengenai amalan menabung sama ada menyimpan wang dalam bank, melabur dalam saham amanah atau membeli saham syarikat yang diniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur, definisinya tetap sinonim dengan mengurangkan penggunaan dan menambah simpanan.

Amalan menabung sebenarnya telah tersemai sejak zaman dahulu lagi.

Pepatah `berjimat-jimat dahulu bersenang-senang kemudian' jelas menonjolkan budaya menabung di kalangan masyarakat dahulu kala. Namun begitu dalam situasi moden ini, minat menabung amat dipengaruhi faktor tertentu.

Kadar faedah yang diperolehi, prestasi ekonomi semasa, corak agihan pendapatan serta didorongi sikap positif merupakan elemen yang mempengaruhi tingkat tabungan negara. Walau bagaimanapun, tingkat pendapatan merupakan elemen terpenting mempengaruhi turun naiknya tabungan ini.

Kepesatan ekonomi sejak sedekad lalu telah meningkatkan pendapatan per kapita penduduk Malaysia dan ini mendorong perubahan dari segi keperluan dan kepuasan yang perlu dicapai. Justeru andainya setiap individu menghadkan perbelanjaan ke atas barang mewah, peningkatan tabungan Malaysia akan berlaku.

Malaysia beruntung kerana kecenderungan menabungnya secara relatif agak tinggi berbanding masyarakat di negara-negara maju dan rantau Asia-Timur. Malaysia dianggap contoh terbaik seperti Singapura, Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan dan China kerana prestasi pertumbuhan ekonomi dan kadar tabungan melebihi kadar purata dalam tempoh 1991 hingga 1995. Perangkaan dapat diperhatikan melalui jadual yang disediakan.

Melalui data dalam jadual berkenaan, jelas memperlihatkan pertambahan tabungan amat dipengaruhi kenaikan pendapatan yang memberi ruang kepada masyarakat bukan sekadar memenuhi keperluan asas, malah menyimpan untuk persediaan hari tua dan perbelanjaan pendidikan anak-anak.

Pertambahan tabungan ini turut dipengaruhi sistem kewangan yang ketat dan kadar inflasi yang rendah. Di samping itu, dasar yang menjurus kepada kestabilan ekonomi turut membantu meningkatkan kecenderungan menabung dan pada masa yang sama mengurangkan perbelanjaan.

Di Malaysia 3.5% daripada jumlah tabungan negara adalah tabungan paksa, disebabkan majikan-pekerja wajib menyumbang pada kadar 12% Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Unsur `forced saving' ini menurut kajian mengurangkan tabungan sukarela tetapi masih dianggap elemen paling berkesan memupuk semangat menabung. Kecenderungan menabung kurang di Malaysia kerana masyarakat berasa terjamin di masa persaraan dengan elaun yang cukup untuk menyara hidup.

Tabungan di Malaysia sememangnya antara yang tertinggi di dunia iaitu 37.8% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Kejayaan Malaysia mengekalkan kadar tabungan pada paras purata 28.6% di antara 1970 dan 1996, seharusnya

menjadi perangsang kepada rakyat untuk terus meningkatkan tabungan negara. Ini selaras dengan perangkaan Bank Pembangunan Asia (ADB), Malaysia memerlukan peruntukan kewangan hampir AS\$49 bilion (kira-kira RM123 bilion) bagi pembangunan infrastrukturnya.

Kemudahan infrastruktur yang canggih serta prasaranan yang lengkap, penting bagi memperlengkapkan Malaysia sebagai negara maju pada abad ke-21. Dr Mahathir sendiri pernah mengakui, Malaysia akan dihormati sekiranya negara kita mencapai kestabilan ekonomi yang meyakinkan.

Projek Multimedia Super Coridor (MSC) merupakan agenda terbesar Malaysia yang memerlukan peruntukan yang bukan sedikit. Di samping itu, pelaksanaan Projek Hidroelektrik Bakun yang merupakan projek raksasa yang sedang dilaksanakan kerajaan turut membabitkan belanja besar iaitu RM13.6 bilion dan amat memerlukan tabungan rakyat. Di samping itu, projek-projek seperti pengangkutan, pendidikan, perumahan dan sebagainya turut memerlukan tabungan rakyat.

Jika kita rela berkorban, tidak mustahil manfaat yang diperolehi dalam jangka masa panjang akan berkekalan. Justeru, bagi rakyat yang mahu merealisasikan Wawasan 2020 dan melihat negara setanding negara maju, wajarlah meletakkan prioriti kepada tabungan.

Dasar ekonomi terbuka dan pelbagai insentif yang diberikan kerajaan hari ini telah berjaya menarik pelabur asing untuk terus melabur di Malaysia dan sekali gus membantu merapatkan jurang antara tabungan dan pelaburan di negara kita. Namun situasi negara kita pada masa ini, menghadapi jurang antara pelaburan dan tabungan disebabkan kadar pelaburan melebihi kadar tabungan. Ini jelas dicerminkan oleh defisit akaun semasa yang seterusnya memaksa Malaysia bergantung kepada pelaburan asing atau meminjam dari luar negara.

Walaupun situasi itu memaksa Malaysia bergantung kepada pelabur asing, namun kita perlu berusaha mengumpulkan modal tempatan supaya negara boleh berdikari dari segi kewangan. Pelaburan asing ini sebenarnya membabitkan risiko tukaran wang asing dan juga kadar faedah. Di samping itu, pelabur asing ini mudah masuk dan keluar pada bila-bila masa tanpa mengira kesan negatif kepada Malaysia disebabkan sentimen negatif pengurus dana asing terhadap pasaran.

Oleh kerana mereka menguasai pasaran, maka pergerakan mereka juga memberi kesan terhadap jatuh naiknya pasaran seperti ditunjukkan dalam Indeks Komposit BSKL. Bagi mengelakkan pelabur asing sewenang-wenangnya mengkucar-kacirkan ekonomi Malaysia, wajarlah pelabur tempatan dan rakyat biasa memainkan peranan masing-masing. Pelabur runcit dan institusi tempatan perlu memainkan fungsi secara cergas di BSKL bagi menaikkan pasaran.

Senario ekonomi Malaysia hari ini agak goyah sedikit berikutan kejatuhan nilai mata wang yang turut dialami oleh negar Asean lain.

Ancaman ini cukup membimbangkan Asean, khususnya Malaysia kerana tekanan ini menjejaskan perdagangan antarabangsa negara.

Sebelum ini Malaysia pernah mengalami kesukaran memperoleh lebih banyak Ringgit Malaysia untuk membayar balik hutang Yen.

Bagi menjamin keutuhan nilai mata wang sekaligus melicinkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan ancaman sebegini berulang kembali, sumbangan tabungan swasta amat penting dipertingkatkan.

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mengalami kadar pertumbuhan pesat di dunia di samping kadar inflasi yang rendah. Namun begitu, usaha mengelakkan inflasi perlu sentiasa dipertingkatkan agar risiko yang lebih teruk dapat dielakkan. Usaha kerajaan dalam menghadapi tekanan inflasi tidak mungkin berjaya sekiranya perbelanjaan melebihi pendapatan yang ada.

Peningkatan perbelanjaan secara berterusan menyebabkan pengilang atau pengeluaran tidak berminat menurunkan harga. Contoh paling jelas, berlaku

kepada harga kereta Malaysia yang kian meningkat saban tahun walaupun berlaku kejatuhan Yen pada April 1995. Kejatuhan Yen sepatutnya memberi kelebihan kepada kita dari segi perdagangan dua hala dan pembayaran hutang.

Sebenarnya menabung bukan sekadar membantu kerajaan dalam pembentukan modal, malah faedah peribadi juga boleh dimiliki. Pertambahan dalam jumlah bank perdagangan daripada 23 bank dengan 99 cawangan pada 1959 kepada 37 buah dengan 1,050 cawangan pada 1992 memberikan kita banyak pilihan untuk menabung. Pelbagai bentuk pulangan seperti faedah, dividen dan bonus serta pelbagai kemudahan lain seperti perubatan dan khairat kematian melalui simpanan di premium insurans ditawarkan oleh setiap institusi kewangan.

Simpanan yang dibuat dalam KWSP turut memberi pulangan yang menguntungkan di usia persaraan. Simpanan dalam jangka masa panjang memberi kemudahan kepada kita menampung perbelanjaan perubatan, pendidikan serta bekalan ketika berlaku kecemasan seperti kemalangan dan sebagainya.

Usaha menggalakkan tabungan di kalangan rakyat perlu diaplikasikan oleh semua pihak. Asas menabung ini sebenarnya boleh disemai di dalam sesebuah institusi keluarga. Ibu bapa merupakan orang yang paling bertanggungjawab membentuk anak-anak mereka minat menabung. Tabungan ini bukan sekadar menyimpan wang di dalam bank, malah amalan berjimat-cermat dan bersederhana juga merupakan faktor pendorong untuk menabung.

Setiap kempen yang dijalankan oleh kerajaan wajar diterima secara positif setiap anggota masyarakat. Penggunaan 'smart card' dan kad kredit yang mendorong rakyat berbelanja tanpa had juga amat perlu dikawal.

Pihak bank dan institusi kewangan lain merupakan badan yang paling bertanggungjawab menggalakkan masyarakat menabung. Bagi menggalakkan minat menabung di kalangan kanak-kanak, pihak bank perlu memperkenalkan beberapa insentif dalam bentuk penyertaan kelab-kelab yang ditubuhkan oleh bank di samping pemberian hadiah seperti bahan yang membantu pendidikan. Skim untuk bayi yang baru lahir juga wajar diketengahkan bagi menyuburkan budaya menabung semenjak kecil.

Tabungan memainkan peranan amat besar dalam ekonomi Malaysia meliputi jangka masa pendek dan panjang. Pelbagai jenis skim yang ditawarkan memberi peluang kepada masyarakat untuk memilih jenis tabungan. Tabung amanah di Malaysia merupakan saluran terkemuka kerajaan dalam memobilisasikan dana di Malaysia. Pada akhir Mei 1993, terdapat 38 tabung amanah tidak termasuk Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dengan jumlah dana 2.445 juta unit atau 15.5% daripada keseluruhan dana tabung amanah.

Permodalan Nasional Berhad melalui skim ASNnya pula berjaya mengaut jumlah tabungan RM728 juta. Antara skim yang mula diperkenalkan ialah Skim Bantuan Pelajar Miskin pada 1995 yang diperuntukkan kepada pelajar Melayu serta anak-anak Islam turut menambah kadar tabungan.

Di samping itu, Amanah Saham Wawasan 2020 yang diperkenalkan pada 2 September 1996 untuk generasi muda berusia antara 12 hingga 30 tahun bukan sekadar menambah tabungan malah berfungsi sebagai alat integrasi kaum.

Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) yang diperkenalkan pada 4 Mac 1993 merupakan langkah bijak untuk menggalakkan tabungan di samping menerapkan nilai-nilai Islam dalam sektor kewangan. Skim ini mendapat sambutan yang baik berikutan kemunculan 23 institusi kewangan, 13 bank perdagangan, lapan syarikat kewangan dan dua bank saudagar yang menjalankan atau membuka kaunter SPTF. Tabungan juga digalakkan melalui penjualan bon oleh Bank.

Negara Malaysia, iaitu Bon Simpanan Malaysia yang bernilai RM1.4 bilion pada 16 Februari 1993.

Jelaslah, tabungan Malaysia merupakan dana negara yang perlu sentiasa ditingkatkan. Anjakan paradigma masyarakat dalam soal menabung ini amat

penting dalam menjadikan Malaysia setanding negara maju lain. Kerajaan mahupun institusi kewangan perlu prihatin terhadap evolusi menabung ini agar pelbagai projek pembangunan berjaya merealisasikan Wawasan 2020. Kita perlu menerima hakikat bahawa maruah negara dipandang tinggi setelah ekonominya kukuh, politiknya stabil dan masyarakatnya berilmu.